

## JABATAN KAWAL SELIA PEMBETUNGAN

### NOTA PANDUAN PERMOHONAN PERAKUAN PENDAFTARAN PEMBEKAL PRODUK/SISTEM UNTUK KEGUNAAN INDUSTRI PEMBETUNGAN

---

#### I. PERKARA-PERKARA AM

- a) Nota ini disediakan sebagai panduan kepada syarikat pembekal (disebut sebagai “Pemohon”) dalam mengemukakan permohonan mendapatkan Sijil Perakuan Pendaftaran Pembekal (disebut sebagai “Sijil”) bagi membekalkan produk/sistem (disebut sebagai “Produk”) untuk kegunaan industri pembetungan tempatan.
- b) Secara umum **tempoh sah** sijil adalah selama **tiga (3) tahun**. Walau bagaimana pun bagi kes-kes permohonan yang tertentu, pihak SPAN berhak menentukan tempoh pendaftaran yang dirasakan sesuai jika perlu.
- c) Bagi tujuan pemprosesan, pemohon perlu mengenal pasti penamaan produk yang dibekalkan mengikut fungsi dan kategori dengan merujuk kepada **Jadual Sewerage Product and System Category**. Secara amnya produk pembetungan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan fungsi iaitu **fungsi PROSES** dan **fungsi BUKAN PROSES**. Keterangan bagi kumpulan tersebut adalah seperti berikut :
- i. **Produk pembetungan daripada kumpulan fungsi PROSES :**
- Produk/peralatan yang digunakan secara langsung bagi proses merawat kumbahan. Kategori-kategori produk di bawah kumpulan ini adalah seperti berikut :  
*Primary & Secondary Screening, Raw Sewage Pumping, Grit & Grease Removal, Aeration, Nitrification, Mixing, Air Supply, Clarifier/ Sedimentation, Effluent Decanting, Sludge Treatment, Disinfection, Effluent & Water Removal, Odour Control & Treatment, Treatment System and Treatment Media.*
- ii. **Produk pembetungan daripada kumpulan fungsi BUKAN PROSES:**
- Produk/peralatan tidak berkaitan dengan proses merawat kumbahan di mana ia digunakan bagi tujuan penyaluran, pengawalan, pemantauan, pembinaan, pemeriksaan, keselamatan atau perlindungan. Kategori-kategori produk di bawah kumpulan ini adalah seperti berikut :  
*Sewage Conveyance, Flow Control and Instrumentation & Control.*
- d) Permohonan perlu dibuat secara berasingan bagi setiap jenis produk yang mempunyai spesifikasi yang berbeza. Produk yang mempunyai pelbagai aplikasi kategori adalah dibenarkan untuk dikemukakan sebagai satu permohonan.

- e) Produk pembedungan yang **tidak** perlu mendapatkan sijil perakuan pendaftaran daripada SPAN adalah *Electric & Electronic Components, CCTV Equipment, Construction & Completion Material, Mobile Testing Unit, Computer Software, Grating & Railing, Lifting Machine & Equipment, Desludging Tankers dan Drive Unit (Motor & Gear)*.
- f) Bagi produk keluaran tempatan, permohonan boleh dilakukan oleh syarikat prinsipal atau melalui agen pembekal yang dilantik. Setiap kategori produk dan jenama hanya boleh dibekalkan secara eksklusif oleh syarikat prinsipal kepada satu agen pembekal tempatan sahaja.
- g) Bagi produk yang diimport, permohonan perlu dilakukan melalui agen pembekal tempatan yang dilantik. Setiap kategori produk dan jenama hanya boleh dibekalkan secara eksklusif oleh syarikat prinsipal kepada satu agen pembekal tempatan sahaja.
- h) Pemohon mesti mengemukakan **sijil perakuan produk** (*product certification*) yang masih sah kelulusannya daripada agensi pensijilan/makmal-makmal pengujian yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia sebagai contohnya Lesen Persijilan Barangan (*Product Certification Licence*) daripada SIRIM QAS Sdn. Bhd. atau Sijil Pengesahan Barangan (*Product Certification Certificate*) daripada IKRAM QA Services Sdn. Bhd.
- i) Walau bagaimanapun bagi produk yang tidak mempunyai sijil perakuan produk atas sebab masih tidak mempunyai Piawai (*Standards*) untuk diuji agensi pensijilan dan dibuat berdasarkan kepada spesifikasi pembuat, maka **laporan ujian** (*test report*) mesti dikemukakan. Laporan tersebut mesti **tidak melebihi empat (4) tahun** ketika permohonan dibuat.
- j) Mana-mana sijil perakuan produk dan/atau laporan ujian yang menggunakan selain daripada bahasa rasmi (Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris), pemohon dikehendaki mendapatkan pengesahan penterjemahan ke dalam bahasa rasmi daripada penterjemah mahkamah. Sekiranya pemohon gagal mendapatkan pengesahan penterjemahan tersebut, pemohon perlu membuat penterjemahan dan disertakan bersama surat akuan sumpah (*statutory declaration*).
- k) Selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa **keperluan khusus permohonan** yang perlu dipatuhi bergantung kepada syarat-syarat semasa yang ditetapkan oleh SPAN. Keperluan khusus ini perlu disemak setiap kali sebelum membuat permohonan.
- l) Sijil yang dikeluarkan akan disertakan bersama dengan syarat-syarat perakuan yang mesti diambil perhatian oleh pemohon yang berjaya. Secara amnya syarat-syarat perakuan terbahagi kepada dua (2) iaitu : **Syarat Umum** yang dikenakan pada semua jenis produk; dan **Syarat Khas** yang merupakan syarat tambahan untuk produk-produk tertentu yang telah ditetapkan SPAN seperti *Air Blower-Diaphragm, Package Plant System, Mechanical Septic Tank dan Vacuum Sewer System*.

## II. PERMOHONAN BARU

- a) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan mengisi dan melengkapkan borang senarai semak berikut :
- i. **SPAN/JKP-STP(B)-1: Checklist for New Registration Application**
  - ii. **SPAN/JKP-STP(S)-1: Company Information Declaration**
  - iii. **SPAN/JKP-STP(T)-1: Technical Specification Declaration**

yang boleh didapati di ibu pejabat SPAN atau di laman web SPAN [www.span.gov.my](http://www.span.gov.my).

## III. PERMOHONAN PEMBAHARUAN

- a) Permohonan mesti dibuat **pada bulan ketiga (3) sebelum** tempoh sah sijil tamat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pemprosesan permohonan tertunda hingga ke tarikh tamat sijil.
- b) Perakuan pendaftaran yang telah tamat tempoh kecuali bagi permohonan yang sedang diproses akan digugurkan serta merta dalam senarai pendaftaran SPAN. Oleh yang demikian, permohonan yang diterima selepas tarikh tamat akan diproses seperti mana **permohonan BARU**.
- c) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan mengisi dan melengkapkan borang senarai semak berikut :
- i. **SPAN/JKP-STP(P)-1: Checklist for Renewal Registration Application**
  - ii. **SPAN/JKP-STP(S)-1: Company Information Declaration**
  - iii. **SPAN/JKP-STP(T)-1: Technical Specification Declaration**

yang boleh didapati di ibu pejabat SPAN atau di laman web SPAN [www.span.gov.my](http://www.span.gov.my).

- d) Permohonan pembaharuan adalah tertakluk kepada sijil terdahulu di mana tiada sebarang perubahan terhadap model dan spesifikasi produk tersebut. Sebarang perubahan pada model (penambahan atau pengguguran) yang tidak mengubah standard operasi dengan model sedia ada perlu dimaklumkan dengan disertakan justifikasi yang jelas.
- e) Sebarang perubahan/modifikasi yang menyentuh aspek spesifikasi, bahan yang digunakan, operasi atau sistem pada produk tersebut adalah dianggap sebagai produk baru. Sehubungan itu, permohonan perlu mengikut prosedur **permohonan BARU**.

#### **IV. PENGEMUKAAN REKOD PEMASANGAN**

- a) Pembekal dikehendaki untuk mengemaskini dan mengemukakan rekod pemasangan ke SPAN bagi produk yang telah dibekalkan dengan menggunakan template **Maklumat Pemasangan Produk: SPAN/JKP-STP(J)-1 setiap enam (6) bulan sekali** bermula dari tarikh sijil dikeluarkan.
- b) Borang yang telah lengkap diisi perlu ditandatangani dan disahkan oleh pihak pengurusan atasan syarikat (Pengarah Urusan dan ke atas).
- c) Seandainya tiada pemasangan dalam tempoh tersebut, rekod pemasangan masih perlu dikemukakan kepada SPAN dengan menyatakan "TIADA PEMASANGAN".
- d) Kegagalan pembekal untuk mengemukakan rekod pemasangan setiap 6 bulan akan menyebabkan pemprosesan permohonan untuk pembaharuan nanti akan tertunda hingga ke tarikh tamat sijil.

#### **V. PERMOHONAN PERUBAHAN AGEN PEMBEKAL**

- a) Permohonan hendaklah dikemukakan dengan mengisi dan melengkapkan borang senarai semak **SPAN/JKP-STP(PP)-1: Checklist for Change of Supplier** yang boleh didapati di ibu pejabat SPAN atau di laman web SPAN [www.span.gov.my](http://www.span.gov.my).

#### **VI. PENGEMUKAAN PERMOHONAN**

- a) Bahagian Standard Teknikal dan Pematuhan, Jabatan Kawal Selia Pembedungan di Aras 1, Ibu Pejabat SPAN, Cyberjaya dipertanggungjawabkan untuk menguruskan permohonan.
- b) Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dijilid dengan kemas dan dikemukakan bersama-sama dengan surat iringan daripada syarikat. Surat iringan yang disertakan perlu mengikut format template yang disediakan.
- c) Jumlah salinan dokumen yang perlu dikemukakan bagi setiap permohonan mengikut kumpulan fungsi produk adalah seperti berikut :
  - i. fungsi PROSES : **empat (4) salinan**
  - ii. fungsi BUKAN PROSES : **satu (1) salinan**
- d) Pengemukakan dokumen hendaklah dibuat secara serahan tangan dengan membuat temu janji terlebih dahulu melalui :

- i. En. Mohd Subky b. Mohd Said (03 - 8317 9355) ; atau
- ii. En. Ab Ghani b. Hj Mat Daud – (03 – 8317 9356)

## VII. PENGAMBILAN SIJIL

- a) Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan untuk pengambilan sijil di ibu pejabat SPAN.
- b) Pengambilan sijil oleh wakil pembekal selain daripada individu berjawatan Pengarah Urusan dan ke atas perlu membawa surat pemberian kuasa yang telah di tandatangan oleh pihak pengurusan atasan syarikat (Pengarah Urusan dan ke atas). **Surat pemberian kuasa** perlu mengikut template format yang disediakan. Cop syarikat perlu dibawa ketika pengambilan sijil dibuat.
- c) Wakil pembekal hendaklah seorang yang mendapat mandat syarikat di mana akan memperakukan penerimaan syarat (sila rujuk Syarat Umum dan Syarat Khas) semasa pengambilan sijil dan akan menyampaikannya kepada pihak pengurusan atasan syarikat.
- d) Penghantaran sijil melalui pos atau pengambilan melalui syarikat '*courier*' sebagai wakil pembekal adalah **tidak dibenarkan**.

## VIII. LAIN-LAIN PERKARA

- a) Semua dokumen dan maklumat-maklumat yang dikemukakan adalah menjadi hak milik SPAN.
- b) Bagi permohonan yang didapati masih memerlukan butiran lanjut oleh SPAN, maka notis kepada pemohon akan dikemukakan. Pemohon diberi tempoh maksimum **satu (1) bulan** dari tarikh notis untuk mengemukakan butiran lanjut. Kegagalan pemohon berbuat demikian, maka proses permohonan tersebut terbatal dan pemohon perlu membuat **permohonan Baru**.
- c) Sebarang maklumat lanjut mengenai permohonan boleh menghubungi mana-mana pegawai berikut :

En. Iwan Nazri b. Mohd. Nordin	(03 – 8317 9354)	iwan@span.gov.my
Cik Jama iatul-Lailah bt. Mohd. Jais	(03 -8317 9352)	jamaiatul@span.gov.my
En. Mohd. Subky b. Mohd Said	(03 – 8317 9355)	subky@span.gov.my
En. Ab Ghani b. Hj Mat Daud	(03 – 8317 9356)	ghani@span.gov.my